

17/01/2003

Valuecap pertahan nilai saham syarikat kerajaan: PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menjelaskan pembabitan cergas Valuecap Sdn Bhd (Valuecap) di pasaran tempatan sejak seminggu lalu adalah

untuk mempertahankan nilai saham syarikat milik kerajaan.

Sambil membidas sesetengah pihak, terutama media kerana mendakwa tindakan syarikat pengurus dana itu tidak telus, Perdana Menteri berkata,

ia tidak perlu mengumumkan apa saham yang dibelinya.

"Saya nak tanya siapa yang telus, siapa yang dok beli saham, siapa yang

dok jual saham sehingga jatuh nilai saham bawah daripada nilai sebenar sehingga indeks (komposit) jatuh dengan begitu teruk dan menyebabkan masalah kepada banyak syarikat.

"Di antara yang mengalami kejatuhan nilai saham ialah firma yang dimiliki syarikat kerajaan seperti Khazanah, Permodalan Nasional Bhd (PNB)

dan lain-lain," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail

Petra, Pangkalan Chepa sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan menubuhkan Valuecap yang dimiliki bersama Khazanah Nasional Bhd, PNB dan Kumpulan Wang Amanah Pencen bagi menjaga kepentingan syarikat kerajaan.

Dr Mahathir menegur media dan bertanya siapakah yang sebenarnya menyebabkan nilai saham syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan itu jatuh.

"Tak ada pula media tanya mengapa ia tidak telus. Saya nak tanya media, tahu tak siapa yang jual? Anda tahu?... jadi tak telus, sebab itu anda tidak tahu.

"Anda mahu tahu mengenai Valuecap, apa dia beli... inilah selalunya ada pendapat apa saja yang kita buat untuk membantu diri kita (kerajaan), anda (media) bertindak seperti orang asing.

"Kita kutuk diri kita dan sebab itu adalah sangat sukar untuk kita mendapat faedah daripada ekonomi kita sendiri. Anda yang mengkritik diri kita sendiri semata-mata kerana orang lain (asing) kritik kita.

"Anda fikir orang lain betul? Tetapi jika anda ikut orang lain, negara ini akan bankrap," katanya.